



**Untuk Siaran Segera
25 Jun 2024**

PNB KEKAL FOKUS DALAM USAHA PENCIPTAAN NILAI
*Kumpulan PNB terus memberi pulangan yang
memberangsangkan melalui usaha perumpukan aset strategik
dan kepelbagaian merentas kelas aset.*

- Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah membayar sejumlah RM13.3 bilion agihan pendapatan dan bonus kepada pemegang unitnya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 (TK2023) dalam landskap yang dipengaruhi oleh cabaran yang besar dan ketidakpastian pasaran.
- PNB terus mengukuhkan komitmennya terhadap kelestarian, ekuiti dan pertumbuhan jangka panjang, mencapai kemajuan ketara dalam 10 Komitmen ESG Kumpulan pada tahun 2023.

Kuala Lumpur, 25 Jun 2024: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini menerbitkan Laporan Tahunan Bersepadu (IAR) untuk TK2023, mengukuhkan komitmen penuh PNB terhadap pertumbuhan lestari dan pengurusan dana berhemat. Dalam IAR keduanya, PNB menggariskan pencapaian utama, membentangkan gambaran keseluruhan prestasi bagi tahun 2023 dan menjelaskan perjalanan progresifnya ke arah kelestarian.

Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Walaupun menghadapi keadaan pasaran yang mencabar pada tahun 2023, kami berjaya memberikan pulangan yang memberangsangkan. Pencapaian ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh usaha perumpukan aset strategik (SAA) dan kepelbagaian kami merentas pelbagai kelas aset serta menarik pelaburan baharu. Kami meningkatkan kestabilan portfolio kami dengan menambah pelaburan dalam pendapatan tetap, hartanah, pasaran persendirian dan aset asing. Langkah-langkah ini bukan sahaja melindungi kami daripada turun naik pasaran tetapi juga memastikan kami terus menghasilkan pulangan positif untuk pemegang unit kami."

SOROTAN UTAMA DAN PRESTASI TK 2023

Bagi TK2023, PNB menghasilkan pulangan memberangsangkan merentas portfolio produk terdiri daripada 17 dana, terutamanya melalui dana harga tetap dan berubah-ubah.

Kenaikan had pelaburan individu untuk Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan peningkatan saiz dana Amanah Saham Malaysia (ASM) telah mendapat sambutan menggalakkan dengan lebih 780,000 pemegang unit mengambil peluang meningkatkan simpanan mereka. Secara keseluruhan, perkembangan ini menghasilkan jualan tambahan sebanyak RM6.8 bilion bagi ketiga-tiga dana tersebut.

Untuk TK2023, PNB mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 13% dan 25% dalam pendapatan kasar dan pendapatan bersih daripada RM14.5 bilion pada TK2022 kepada RM16.4 bilion pada TK2023, dan daripada RM10.4 bilion pada TK2022 kepada RM13.0 bilion pada TK2023.

Matlamat yang Diperbaharui: Komitmen untuk Pengukuhan Kewangan

PNB berkongsi Matlamat yang diperbaharui: "Mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi", yang menekankan komitmen Kumpulan bukan hanya dalam pengurusan dana tetapi juga sebagai pengawas keselamatan dan harapan kewangan. Matlamat ini menyokong mandat PNB iaitu untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara. Matlamat ini adalah saranan untuk menginspirasi rakyat Malaysia agar terus meningkatkan simpanan bagi menjamin masa depan kewangan mereka.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkasakan pemegang unit dalam mencapai keperluan dan matlamat mereka, Touch n Go Sdn Bhd (TNG) telah dilantik sebagai ejen digital pertama pada Ogos 2023 bagi memperluas jangkauan kepada pangkalan pelanggan yang berfokuskan digital di samping memanfaatkan ekosistem dompet elektronik TNG sedia ada. Selain itu, *superapp* MyASNB dilancarkan dengan kebolegunaan yang dipertingkatkan, manakala Penasihat Pelaburan Robo (RIA), ciri baharu dalam aplikasi myASNB, dilancarkan pada Mac 2024 untuk meningkatkan penyampaian nasihat pelaburan kepada orang ramai.

KEMAJUAN BERTERUSAN DALAM PERJALANAN KELESTARIAN

Selain komitmen terhadap prestasi kewangan, PNB juga telah mengambil langkah signifikan dalam perjalanan kelestariannya, terutamanya dengan menetapkan arah yang jelas untuk mencapai pelepasan sifar bersih di peringkat Perusahaan dan Portfolio. Rangka Kerja Kelestarian PNB, menggariskan 10 komitmen ESG Kumpulan untuk memacu perniagaan dengan pelaburan sejajar ESG bagi menghasilkan pulangan mampan dan kompetitif.

Alam Sekitar

Pada TK2023, pelepasan garis dasar GHG menyeluruh PNB menunjukkan pelepasan portfolio PNB mencapai 11.82 juta tCO₂e, dengan pelepasan perusahaan PNB adalah pada 30,985 tCO₂e. Berdasarkan garis dasar ini, PNB akan memantau dan mengenal pasti penyebab pelepasan GHG, seterusnya berusaha ke arah mencapai matlamat Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025.

PNB telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menyokong matlamat ini, termasuk beralih kepada kenderaan elektrik, melanggan Tarif Elektrik Hijau, dan membeli Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui. Di samping itu, Kumpulan PNB terus menerapkan pendekatan Kurangkan, Gantikan dan Ofset (R2O), di mana Kumpulan PNB telah menetapkan tahun 2022 sebagai tahun asasnya, menilai pelepasan perusahaan dan mengenal pasti sumber pelepasan GHG bagi Skop 1, 2, dan 3.

Sementara itu, strategi pelaburan PNB memberi tumpuan kepada sektor-sektor seperti pengangkutan hijau, tenaga boleh diperbaharui, bangunan hijau, dan pertanian mampan, dengan 41% daripada sasaran RM10 bilion menjelang 2030 telah dicapai menjelang akhir tahun 2023.

Sosial

Pada TK2023, program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PNB telah memberi manfaat kepada lebih 270,000 penerima manfaat di dalam komuniti-komuniti di tempat PNB beroperasi. PNB turut memberi keutamaan kepada sumbangan kepada masyarakat dengan pelancaran Rangka Kerja Pelaburan Sosial (SIF). Melalui SIF, inisiatif-inisiatif CSR akan memberi tumpuan kepada bidang pendidikan, kesihatan, peningkatan komuniti dan alam sekitar.

Sementara itu, PNB telah mencapai penyertaan wanita sebanyak 36% dalam Pengurusan Kanan pada 2023, berbanding sasaran 40% menjelang 2025. Kumpulan PNB telah menetapkan sasaran yang tinggi iaitu 40% wanita dalam Kepimpinan PNB menjelang 2025, melebihi penanda aras global iaitu 30%. Komitmen ini mencerminkan keyakinan tinggi PNB bahawa kepelbagaian perspektif dan kehadiran wanita yang ketara pada peringkat kepimpinan adalah penting untuk kejayaan jangka panjang.

Tadbir Urus

Pada TK2023, Kumpulan PNB juga telah memperkenalkan prinsip panduan baharu yang memberi tumpuan kepada "ESG, Kelestarian, dan Isu Berkaitan Iklim" ke dalam Garis Panduan Pengundian kami. Usaha ini menandakan langkah signifikan PNB untuk menjajarkan keputusan pelaburannya dengan prinsip ESG yang lebih luas. Melalui peningkatan ketelusan, kepimpinan lembaga pengarah yang teguh dan pengundian proksi automatik, PNB terus mengukuhkan peranannya sebagai pelabur yang proaktif dan terlibat langsung. Malah, pencapaian terkini PNB dalam melakukan undian proksi antarabangsa di pasaran utama termasuk Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, China dan Asia Pasifik menonjolkan pengaruhnya yang kian meningkat dalam membentuk amalan-amalan pelaburan global.

UNJURAN MASA HADAPAN

PNB mengambil pendekatan berhati-hati namun optimis bagi unjuran tahun 2024. Pelan ekonomi utama yang disokong oleh rangka kerja Ekonomi MADANI dijangka merangsang pertumbuhan dengan meningkatkan penggunaan domestik dan menarik pelaburan baharu. Landskap global terus berkembang dengan perubahan pesat dan cabaran yang tidak dijangka. Dalam persekitaran ini, komitmen PNB kekal kukuh: untuk mencari dan merebut peluang pelaburan baharu yang boleh memberi pulangan mampan kepada pemegang unit, sambil memastikan pelaburan mereka selamat sepenuhnya.

"Kami bertekad untuk cemerlang dalam menyediakan perkhidmatan kami kepada pemegang unit dan tanggungjawab sosial kami yang lebih luas. Kami bersyukur atas keyakinan setiap pemegang unit terhadap PNB dan kami terus berusaha untuk mengekalkan kepercayaan tersebut melalui produk dan perkhidmatan kami," tambah Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad.

Strategi Kumpulan PNB yang baharu untuk tahun 2024-2026 adalah tinggi dan boleh dicapai, dirangka untuk memastikan PNB kekal sebagai organisasi yang progresif. Maklumat lanjut mengenai IAR 2023 PNB boleh diperolehi di https://www.pnb.com.my/06_2Annual_Reports.php

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad